

**SOALAN NO. 43****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN ZURAIDA BINTI  
KAMARUDDIN [AMPANG]**

**TARIKH : 10 OGOS 2017**

**SOALAN :**

**YB Puan Zuraida Binti Kamaruddin [Ampang] minta PERDANA MENTERI menyatakan setakat ini tindakan yang diambil bagi membersihkan nama isteri Perdana Menteri yang telah banyak difitnah berkaitan perbelanjaan mewah.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan dari masa ke semasa akan membuat penerangan di media cetak, media elektronik dan media sosial mengikut keperluan sekiranya terdapat sebarang fitnah mahupun tohmahan yang melibatkan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,  
PARLIMEN KETIGA BELAS  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJAH NORAH  
BINTI ABD. RAHMAN  
[TANJONG MANIS]**

**TARIKH : 10 OGOS 2017 (KHAMIS)**

**SOALAN : 44**

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sama ada Kementerian dapat memperuntukkan dana untuk membina jalan baharu menghubungkan Sare, Sarikei ke Kampung Bukit Kinyau dalam anggaran 12km di samping menyediakan bekalan air ke kampung tersebut.

**JAWAPAN :**

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan bagi pelaksanaan projek Jalan Luar Bandar (JALB) di bawah Kementerian ini adalah tertakluk kepada kelulusan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU, JPM) yang dipohon berdasarkan kepada senarai keutamaan yang telah dikemukakan dan dipersetujui oleh Kerajaan Negeri. Hanya projek-projek yang telah diluluskan oleh EPU, JPM sahaja mempunyai peruntukan bagi pelaksanaannya.

Berdasarkan kepada senarai permohonan projek yang telah dikemukakan kepada EPU, JPM bagi Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), *Rolling Plan* 3 Tahun 2018, cadangan untuk membina jalan baharu menghubungkan Sare, Sarikei ke Kampung Bukit Kinyau dalam anggaran 12km tiada dalam senarai keutamaan Kerajaan Negeri dan tidak diangkat permohonan ke EPU, JPM.

Bagi projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) pula, berdasarkan semakan, kedua-dua kawasan tersebut ada dalam perancangan untuk dilaksanakan dalam RMKe-11 dengan syarat mematuhi skop dan kriteria program Bekalan Air Luar Bandar (BALB).

Walaupun bagaimanapun, pelaksanaannya adalah tertakluk kepada senarai keutamaan Jabatan Bekalan Air Luar Bandar Sarawak dan Unit Perancangan Negeri (SPU), Negeri Sarawak.

## SOALAN ( 45 )

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN  
TARIKH : 10 OGOS 2017  
[ KHAMIS ]  
DARIPADA : YB DATUK WILSON UGAK ANAK KUMBONG  
[HULU RAJANG]

**SOALAN :-**

**YB Datuk Wilson Ugak Anak Kumbong [Hulu Rajang] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan status pembinaan balai bomba di Pekan Belaga.**

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek pembinaan Balai Bomba Belaga dijangka akan ditender pada pertengahan bulan Ogos 2017, manakala kerja-kerja masuk tapak projek dijangka akan dimulakan pada bulan Disember 2017.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Julai 2017